

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**Bengkel Postmorterm MyRA 2023 dan Tindakan MyRA 2024**

**12 September 2024 / 10.00 pagi**  
**Bilik Jamuan Auditorium**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada hari ini di **Bengkel Postmorterm MyRA 2023 dan Tindakan MyRA 2024.**

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah hadir ke Bengkel

Postmortem MyRA dan Pelan Tindakan MyRA 2024 yang berlangsung selama 2 hari ini. Kehadiran anda mencerminkan komitmen kita bersama dalam agenda MyRA yang penting untuk penarafan penyelidikan UTeM di kalangan semua IPT yang mengambil bahagian.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

3. Seperti yang kita ketahui, **MyRA merupakan instrumen oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) untuk menilai prestasi penyelidikan** universiti-universiti di negara kita. Tujuannya jelas, iaitu memastikan aktiviti penyelidikan sejajar dengan keperluan dan objektif nasional.

4. Kepentingan MyRA kepada universiti tidak boleh disangkal. Penarafan MyRA bukan sahaja mencerminkan prestasi penyelidikan universiti tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan reputasi kita di peringkat nasional dan antarabangsa. Untuk makluman semua, **KPT juga merujuk penarafan MyRA untuk menentukan dana penyelidikan yang akan disalurkan kepada IPT.** Semakin tinggi penarafan yang diterima, semakin tinggi dana penyelidikan yang akan diberikan. Ianya juga menjadi salah satu aspek yang dilihat dalam ***Outcome Based Budgeting (OBB)*** bagi **pendanaan yang diberikan kepada setiap Universiti.**

5. Ingin saya tekankan di sini bahawa hasil daripada perbincangan bersama dengan Dato' Seri KSU yang telah diadakan baru-baru ini, satu simulasi bagi tahun 2022 telah dilakukan bagi melihat pendanaan kepada setiap universiti berdasarkan kepada OBB ini. Malangnya hasil daripada simulasi tersebut, **UTeM hanya mendapat 98.12% pendanaan berbanding peruntukan kerajaan iaitu defisit sebanyak RM4.7juta.** Pengurangan ini adalah kerana **prestasi UTeM dari segi jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi staf akademik yang tidak memberangsangkan.**

6. Ini merupakan satu perkara yang perlu diperlihat secara teliti dan diberi penekanan khas kerana terdapat pelbagai **inisiatif yang telah diberikan kepada pensyarah bagi menggalakkan jumlah penerbitan seperti peruntukan RM7 juta bagi tahun 2023 dan RM7 juta bagi tahun 2024** secara spesifik bagi aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Malangnya prestasi UTeM masih tidak mencapai di tahap yang baik.
7. Oleh yang demikian, saya sangat menitikberatkan pencapaian MyRA ini kerana ianya memberi kesan secara langsung terhadap pelbagai perkara. Untuk mencapai penarafan MyRA yang ditetapkan iaitu 5 bintang menjelang 2025, tindakan perlu dibuat secara holistik dan bersama. **Fakulti dan**

**pensyarah memainkan peranan yang sangat penting** dalam usaha ini kerana hanya aktiviti daripada pensyarah sahaja yang dinilai di MyRA.

8. Setiap usaha penyelidikan yang dilakukan, setiap penerbitan yang dihasilkan, dan setiap projek yang dilaksanakan, menyumbang kepada skor keseluruhan MyRA UTeM. Antara tindakan yang perlu diambil termasuk **mengutamakan penerbitan dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi, menggalakkan kolaborasi antara agensi, serta membimbing pelajar-pelajar pascasiswazah** untuk turut terlibat dalam aktiviti penyelidikan yang berkualiti.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

9. UTeM tidak hanya memberi penekanan kepada pensyarah bagi memastikan agenda ini dapat dilaksanakan dan dijayakan. **PTJ lain juga berperanan sebagai sistem sokongan** contohnya Pejabat Bendahari merekodkan dana geran yang masuk ke akaun UTeM, Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) menguruskan pelajar pascasiswazah, RICE menguruskan pengkomersilan dan harta intelek pensyarah dan sebagainya. Data yang dihasilkan oleh pensyarah dan fakulti akan diuruskan oleh Pengurus Data yang dilantik. Mereka ini juga yang akan berhadapan dengan Juruaudit Dalam dan Juruaudit KPT. **Justeru setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Pengurus Data MyRA.**



10. Bukan itu sahaja, Juruaudit Dalam MyRA juga mempunyai peranan yang penting dalam memastikan data yang disediakan mematuhi glosari MyRA supaya kebarangkalian ia ditolak ketika sesi audit KPT dapat dikurangkan. **Komen-komen daripada Juruaudit merupakan satu input yang sangat berharga dan di ambil perhatian oleh urusetia untuk dijadikan panduan ketika sesi postmortem MyRA.**
11. Saya berharap supaya kita semua terus komited dalam usaha meningkatkan prestasi penyelidikan universiti kita. Mari kita bekerjasama dan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai penarafan MyRA yang lebih baik pada 2024. Kita masih ada 3 bulan lagi, masih ada masa lagi untuk kita

menghasilkan data dengan mendapatkan geran, mendaftar keahlian peringkat antarabangsa dan kebangsaan ataupun menulis artikel di surat khabar dan majalah. Dengan pencapaian ini, bukan sahaja kita dapat mengangkat nama universiti kita, tetapi juga memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan negara.

12. Terima kasih atas perhatian dan usaha berterusan anda. Semoga kita terus maju dan berjaya dalam misi kita untuk mencapai matlamat MyRA 5 bintang 2025. Sekian

Wabillahitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi wabarakatuh